



**KERJA-KERJA PEMBINAAN DERMAGA BARU
"LIQUID BULK TERMINAL 4 (LBT4)"
KELANG MULTI TERMINAL, PELABUHAN BARAT**

Daripada : Pegawai Pelabuhan, Jabatan Laut Wilayah Tengah.
Kepada : Nakhoda Kapal, Pelaut-Pelaut Tempatan, Malim-Malim Pelabuhan,
Nelayan-Nelayan dan Semua Pihak Yang Berkaitan.
Tarikh : 29 Julai 2003.

Dimaklumkan bahawa kerja-kerja pembinaan bagi sebuah dermaga baru untuk kemudahan pengendalian kargo cecair pukat, "Liquid Bulk Terminal 4 (LBT4)" bagi Kelang Multi Terminal, di Pulau Indah adalah kini sedang berjalan lancar di lokasi projek seperti dalam gambarajah di **Lampiran A**. Kerja-kerja penanaman cerucuk yang telah bermula sejak 27 Mei 2003 itu, dijangka akan tamat pada 9 Ogos 2003.

2. Manakala kerja-kerja lanjutan yang melibatkan kerja-kerja pembinaan bagi struktur pelantar dermaga (*berthing platform*) dan tiang tambatan (*mooring dolphin*) di lokasi yang sama pula, akan dilaksanakan sejurus selepas itu. Kerja-kerja ini dirancang akan dimulakan pada 9 Ogos 2003 dan dijangkakan tamat pada 16 November 2003. Empat buah barj yang lengkap dengan peralatan-peralatan pembinaan akan digunakan dalam kerja-kerja ini, yang terdiri dari barj BPK 388K, barj Alfa Indah, barj Ketara Tiga dan barj Ketara Enam.

3. Sehubungan dengan itu, semua vesel (kapal, bot dan bot nelayan) adalah diingatkan supaya berhati-hati semasa melalui kawasan yang berkaitan dan di mana praktikal serta selamat, hendaklah menjauhinya dengan memberikan kelegaan yang munasabah kepada kawasan projek dan vesel-vesel yang terlibat dalam projek itu.

Sekian, terima kasih.

(MOHD SANI BIN ROSLI)
b.p. Pegawai Pelabuhan
Jabatan Laut Wilayah Tengah,
Pelabuhan Klang.

s.k: (i) Ketua Pengarah Laut,
Ibu Pejabat Laut Semenanjung Malaysia.
(u.p: Bahagian Keselamatan Pelayaran)

(ii) Pengarah Laut Wilayah Tengah.

(iii) Pengurus Besar,
Lembaga Pelabuhan Kelang.
(u.p: Bahagian Kawalselia)